

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap rakyat Malaysia yang mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga Garis Panduan (SOP) KKM yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk membendung penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kompaun akan dikenakan terhadap mana-mana orang awam yang melanggar SOP yang telah ditetapkan dalam mengekang penularan wabak COVID19. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan tawaran kompaun sebanyak 33,822 dari Mac sehingga 24 Oktober 2020.
2. Dari jumlah tersebut, sebanyak 20,074 tawaran kompaun telah dibayar oleh Orang Kena Kompaun (OKK) dengan nilai RM17,377,500.00. Sebanyak 14,322 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan tidak mematuhi SOP dengan nilai kompaun sebanyak RM11,713,500.00 sejak dari Mac sehingga 24 Oktober 2020.
3. Manakala kompaun yang telah dikenakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia ke atas orang awam sejak dari Mac sehingga 29 Oktober 2020 adalah sebanyak 40,854 dikenakan.

Sekian, terima kasih.